

SULIT



SEKOLAH BERASRAMA PENUH
BAHAGIAN PENGURUSAN
SEKOLAH BERASRAMA PENUH / KLUSTER
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2008

1103/2

BAHASA MELAYU
Kertas 2
Ogos

2 ½ jam

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2 (b), Soalan 2 (c), dan Soalan 2 (d) berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan 5.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi **10** halaman bercetak

Soalan 1: Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang kelebihan menabung dalam Skim Simpanan Pendidikan Nasional dan langkah-langkah menggalakkan tabungan pendidikan. Panjang rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Tahun 2008 membuka lembaran baru kerana mulai tahun ini, semua murid di seluruh negara menerima sepenuhnya bantuan buku teks percuma, tidak terhad hanya kepada kategori tertentu seperti sebelumnya. Yuran sekolah juga tidak lagi perlu dibayar. Baru-baru ini, Menteri Pelajaran mengumumkan bahawa pelajar-pelajar yang ibu bapanya berpendapatan rendah akan mendapat bantuan uniform untuk kegiatan kokurikulum. Meskipun kini kita telah menerima nikmat pemberian bantuan, aspek penabungan bagi keperluan pelajaran anak-anak pada masa hadapan tidak harus diabaikan. Satu cara menabung adalah melalui Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN).

Penabungan ini amat penting bagi memastikan anak-anak mencapai tahap pendidikan tertinggi. Dengan penabungan yang dimulakan sejak anak-anak di sekolah rendah, tabungan akan bertambah sehingga anak-anak memasuki sekolah menengah. Hasil daripada tabungan inilah nanti yang akan membantu anak-anak membiayai pengajian mereka bagi memastikan mereka berjaya dalam kehidupan tanpa perlu bergantung sepenuhnya kepada Pinjaman Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).

Kini syarat baru dikenakan oleh PTPTN iaitu mulai tahun ini, mereka yang hendak meminjam daripada PTPTN pada masa hadapan mestilah mempunyai akaun SSPN. Sehubungan dengan itu, menabung dalam SSPN bukan sahaja memberikan peluang kepada pelajar untuk meminjam daripada PTPTN apabila melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi malah menyediakan tabungan pelajaran pada masa hadapan.

Dalam konteks SSPN, banyak *keistimewaan yang dapat diperoleh* masyarakat tanpa mengira bangsa dan pendapatan mereka. Ahli SSPN akan mendapat pelepasan cukai sehingga RM 3,000 setahun. Peluang ini seharusnya direbut oleh keluarga yang dikenakan cukai pendapatan dalam usaha untuk mendapatkan pelepasan cukai. Di samping itu, perlindungan insurans diberikan secara percuma sehingga RM50,000. Hal ini merupakan satu lagi galakan yang menjadi pendorong orang ramai untuk menyimpan dalam SSPN, skim simpanan yang dijamin oleh kerajaan. Selain itu, SSPN juga menjanjikan dividen yang dikecualikan daripada cukai selain insentif bagi keluarga yang berpendapatan RM2,000 ke bawah. Insentif ini dalam bentuk geran sepadan. Geran ini akan bersamaan dengan simpanan pendeposit, tertakluk pada had maksimum yang ditetapkan. Insentif ini pasti akan mendorong mereka yang berpendapatan rendah menyimpan dalam SSPN.

Dengan pelaksanaan Akta baru PTPTN, SSPN terbuka kepada semua warganegara Malaysia tanpa had umur dan pendapatan. Oleh itu, tiada alasan untuk tidak menabung dalam SSPN. Kesedaran masyarakat dalam melahirkan generasi berilmu bermula dengan pendidikan anak-anak sebagai agenda utama keluarga bagi memastikan mereka tidak dibelenggu oleh pinjaman pendidikan.

(Dipetik dan diubahsuai daripada
Rencana Pengarang *Tabungan dalam SSPN*,
Utusan Malaysia, Januari 2008)

Soalan 2: Pemahaman**Soalan 2(a) Petikan Umum**

Berdasarkan petikan **Soalan 1** di atas, jawab soalan-soalan berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *keistimewaan yang dapat diperoleh*. [2 markah]
- (ii) Nyatakan kemudahan-kemudahan yang diterima oleh murid-murid di sekolah. [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, mengapakah pendidikan menjadi agenda utama sesebuah negara? [4 markah]

Soalan 2 (b) Petikan Prosa Moden

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

”Komputer *Powerbook 165c* ini mempunyai reputasi sebagai komputer yang jauh lebih bertenaga daripada kebanyakan *desktop* utama di pasaran. Zel tahu *Powerbook* boleh menampung sehingga 14 *megabyte* RAM untuk Zel bekerja dengan pelbagai penggunaan pada satu masa,” terang mama yang sedang sibuk menilik-nilik katalog yang terlampir. Dalam usianya mencecah 45 tahun, aku sesungguhnya bangga mempunyai seorang mama yang berkebolehan dalam bidang komputer. Mama bukan sekadar menjadi pengedar peralatan komputer tetapi bijak tentang apa sahaja dalam dunia komputer.

”Mama kau tu *advanced*. Patutlah abah kau rasa *inferior*. Pernah Win berbisik begitu apabila kami terserempak dengan ma di ruang legar pusat membeli-belah di bandar. Ketika itu ma sedang sibuk mengadakan pameran komputer *Powerbook* terbarunya.

”Apa maksud kau?” Aku menarik lengan Win mengajaknya keluar dari ruang legar menerusi pintu automatik.

”Yalah, lelaki mana yang tak rasa tercabar apabila lihat wanita berjaya begitu, lebih-lebih lagi wanita itu isterinya. Sorry Zel, aku tak bermaksud untuk merendahkan abah kau. Tapi aku fikir reputasi abah kau sebagai guru sekolah rendah tercabar apabila melihat mama kau jauh lebih berjaya. Huh, wanita sukses dalam bidang komputer dan perniagaan. *Wow, that’s great enough for a woman like your mum!*”

(Dipetik daripada cerpen Virus Zel untuk Abah
oleh Mawar Shafie dalam antologi *Kerusi*
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Huraikan ciri-ciri positif Mama seperti yang terdapat dalam petikan di atas.

[3 markah]

- (ii) Pada pendapat anda, bagaimanakah cara untuk membantu ibu-ibu tunggal agar dapat berdikari seperti Mama?

[3 markah]

- (iii) Berikan **satu** persoalan daripada petikan dan **dua** persoalan lain yang terdapat dalam keseluruhan teks.

[3 markah]

Soalan 2 (c) Petikan Prosa Klasik

Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutny dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Setelah berapa lamanya, maka isteri Sultan Mahmud, bonda Raja Ahmad itu pun mangkatlah. Maka Sultan Mahmud amat bercinta. Maka baginda memberi titah pada Bendahara dan segala orang besar-besar. ” Apa bicara orang kaya sekalian kerana negeri Melaka sekarang tiada beraja perempuan?”

Maka sembah segala orang besar-besar, ” Anak raja mana yang hendak tuanku pinang supaya *patik sekalian kerjakan?*”

Maka titah Sultan Mahmud,” Jikalau beristeri sama anak raja-raja ini, adalah raja-raja lain pun demikian juga; yang kita kehendaki, barang yang tiada pada raja yang lain, itulah hendak kita peristeri. Akan sekarang kita hendak mempinang Puteri Gunung Ledang; Laksamana dan Sang Setia kita titahkan.”

Maka sembah Laksamana dan Sang Setia,” Baiklah , tuanku.”

Maka Tun Mamat dititahkan dahulu membawa orang Inderagiri akan menebas jalan, kerana Tun Mamat penghulu orang Inderagiri. Maka Laksamana dan Sang Setia pun pergilah bersama-sama dengan Tun Mamat.

(Dipetik daripada “ Peminangan Puteri Gunung Ledang”
dalam antologi *Anak Laut*,
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Apakah maksud rangkai kata *patik sekalian kerjakan* dalam petikan di atas?
[2 markah]
- (ii) Apakah titah sultan kepada bendahara dan para pembesar?
[3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, apakah yang akan berlaku sekiranya Puteri Gunung Ledang menerima pinangan sultan?
[3 markah]

2(d) Petikan Puisi

Baca puisi di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

ANAK LAUT

Segar angin laut
mengembalikan rindunya pada pada kolek
bagai buih kecil terapung di air
menjaring sedikit rezeki
dan sisik ikan
 kulit ketam
 kepala sotong
 dan
 kaki udang yang bersimpati

Seperti kolek terdampar di pasir
menampakkan urat jalur-jalur tua
anak laut itu sudah dapat menerka
langkahnya hampir tiba
pada muara pencipta

Rahimidin Zahari

Antologi Anak Laut,
Dewan Bahasa dan Pustaka.

- (i) Berikan maksud rangkap pertama sajak di atas. [3 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, bagaimanakah para nelayan dapat meningkatkan taraf hidup mereka sendiri? [3 markah]
- (iii) Nyatakan nilai-nilai yang terdapat dalam sajak tersebut. [3 markah]

Soalan 3: Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab *semua* soalan

(a) Tulis **dua** ayat bagi tiap-tiap kata di bawah ini untuk menunjukkan bahawa anda faham akan perbezaan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan kata itu sebagai peribahasa dan nama khas.

- i. jalan
- ii. makan
- iii. pucuk

[6 markah]

(b) Nyatakan jenis-jenis ayat yang diberikan di bawah.

- i. Puan Ruslah berasal dari utara semenanjung.
- ii. Amboi, sopan sungguh percakapan pemuda itu!
- iii. Mengapa kamu tidak menyiapkan kerja rumah yang saya berikan semalam?
- iv. Kamu jangan bermain di rumah yang usang itu.
- v. Rosli sanggup memutuskan persahabatannya dengan Meor kerana berebut jawatan sebagai Pengerusi Persatuan Penduduk Taman Paroi Jaya.
- vi. Pergilah cari maklumat berkaitan dengan kerjaya yang kamu minati daripada guru kaunseling.

[6 markah]

(c) Dalam ayat-ayat di bawah terdapat dua penggunaan ejaan dan imbuhan yang salah. Kenal pasti kesalahan-kesalahan tersebut dan betulkannya dengan menulis ayat itu semula tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.

- i. Kepulangan peninju negara yang memperolehi pingat emas dalam Sukan Komanwel telah disambut dengan meriah.
- ii. Wabak selsema burung akan menjadi merbahaya kepada penduduk dunia sekiranya tidak dicegah dari awal.
- iii. Pengusaha gerai satay itu telah memperisteri anak lelakinya dengan anak pengusaha Restoran Azizah.

[6 markah]

(d) *Dalam setiap ayat di bawah terdapat dua kesalahan penggunaan kata atau istilah dan kesalahan bahasa. Kenal pasti kesalahan-kesalahan itu dan betulkannya dengan menulis ayat itu semula tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.*

- i. Rumah mangsa ribut ganas pada minggu lepas telah mereka bina semula.
- ii. Saya suka menengok rancangan kartun dengan semua adik-beradik saya pada waktu lapang.
- iii. Hakim mengenakan hukuman penjara selama lima tahun terhadap banduan itu di atas kesalahannya memukul Wak Jani.

[6 markah]

(e) *Baca petikan-petikan di bawah dengan teliti, kemudian kemukakan tiga peribahasa yang menggambarkan situasi yang terdapat dalam petikan-petikan tersebut.*

- i. Pengurus bank itu telah melakukan kesalahan pecah amanah dan akan didakwa di mahkamah. Dialah yang bertanggungjawab terhadap segala urusan bank tetapi dia pula yang melakukan perbuatan yang keji itu.
- ii. Walaupun Asmadi telah lama tinggal di Australia, sebuah negara yang maju tetapi dia tetap berhasrat untuk kembali semula ke Malaysia dan menetap di sini walaupun Malaysia tidak semaju Australia.
- iii. Adnan telah bergelar pelawak yang terkenal. Kini dia ingin pula menjadi seorang pelakon, namun bakatnya tidak terserlah dalam bidang lakonan malah jenakanya pula tidak lagi mendapat sambutan daripada peminatnya.

[6 markah]

Soalan 4 : Novel

[15 markah]

Jawab **kedua-dua** soalan di bawah. Jawapan anda hendaklah berdasarkan novel yang pernah anda pelajari.

- (i) *Terminal Tiga* karya Othman Puteh
 - (ii) *Perlumbaan Kedua* karya Marwilis Hj. Yusof
 - (iii) *Di Hadapan Pulau* karya A. Samad Said
 - (iv) *Bukit Kepong* karya Ismail Johari
 - (v) *Konserto Terakhir* karya Abdullah Hussain
 - (vi) *Seteguh Karang* karya Tuan Faridah Syed Abdullah
 - (vii) *Julia* karya Abu Hassan Morad
 - (viii) *Putera Gunung Tahan* karya Ishak Hj. Muhammad
- (a) Terdapat pelbagai teknik plot yang digunakan oleh pengarang dalam sesebuah novel. Huraikan **dua** teknik plot yang terdapat dalam novel yang anda pelajari.

[7 markah]

- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari, huraikan **satu** latar masa yang dapat dikaitkan dengan peristiwa penting dalam setiap novel tersebut.

[8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT



**SEKOLAH BERASRAMA PENUH
BAHAGIAN PENGURUSAN
SEKOLAH BERASRAMA PENUH / KLUSTER
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

**PERATURAN PEMARKAHAN
PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2008
BAHASA MELAYU
Kertas 2
Ogos**

1103/2

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta Sekolah Berasrama Penuh**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa jua bentuk penulisan dan percetakan.

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 11 halaman bercetak

Markah penuh Kertas Dua ialah 110 markah

Soalan 1

Markah penuh 30 dibahagi kepada:

(a)	Isi	-	20 markah
(b)	Bahasa	-	10 markah

(a) **Nota :**

- i. Panduan mengira perkataan
Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan.
 - nama khas
 - perkataan berganda
 - kata depan di dan ke
 - tarikh
 - angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
 - gelaran
- ii. Kira dan tandakan jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja sebelum diperiksa.
- iii. Periksa jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja.
- iv. Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Bahagian	Markah									Markah
(i) Pendahuluan										2
(ii) Isi Tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12	16
(iii) Isi Tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4	
(iv) Penutup/Kesimpulan										2
Jumlah Markah										20

(b) **Bahasa** [10 Markah]

Asas pemberian markah bahasa tertakluk kepada markah isi seperti jadual berikut.

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Huraian Bahasa
Baik	18 - 20	9 - 10	<ul style="list-style-type: none"> - Kesenambungan isi baik. - Struktur ayat / tatabahasa baik - Kosa kata luas. - Tanda baca / ejaan betul.
	15 - 17	7 - 8	
Sederhana	2 - 14	6 - 7	<ul style="list-style-type: none"> - Kesenambungan isi masih baik. - Struktur ayat / tatabahasa masih memuaskan. - Kosa kata masih memuaskan. - Tanda baca / ejaan juga memuaskan.
	8 - 11	4 - 5	
Lemah	1 - 7	1 - 4	<ul style="list-style-type: none"> - Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan.

Nota :

- (i) Jika bahasanya baik, **tambah 1 markah** lagi.
- (ii) Jika bahasanya kurang memuaskan, **tolak 1 markah**.
- (iii) Jika disalin bulat-bulat perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataannya kurang daripada 120 patah perkataan, berikan **0 markah**.
- (iv) Jika rumusan kurang daripada 120 perkataan, markah tidak dipotong.

Soalan 1**Pendahuluan/ Pengenalan (2 markah)****Markah**

Petikan membincangkan *kebaikan /manfaat/kepentingan/faedah/ keistimewaan* menyimpan dalam Skim Simpanan Pendidikan Nasional. 2

Isi Tersurat

- S1. Memastikan anak-anak *mencapai pendidikan yang tertinggi*. 2
 S2. *Berjaya* dalam kehidupan *tanpa bergantung sepenuhnya* kepada *pinjaman PTPTN*. 2
 S3. Memberikan *peluang untuk meminjam daripada PTPTN* sekiranya ke institusi pengajian tinggi. 2
 S4. *Pelepasan cukai* sehingga RM 3,000 setahun. 2
 S5. Perlindungan *insurans* *diberikan secara percuma* sehingga RM 50,000. 2
 S6. Skim simpanan *dijamin oleh kerajaan*. 2
 S7. SSPN menjanjikan *dividen yang dikecualikan cukai*. 2
 S8. *Insentif* bagi keluarga yang *berpendapatan RM 2,000 ke bawah*. 2
 S9. *Terbuka kepada semua* warganegara Malaysia tanpa had umur dan pendapatan. 2

Isi Tersirat

- T1. Memberikan *kemudahan penabungan* melalui *potongan gaji*. 2
 T2. Kemudahan menabung *secara on-line*. 2
 T3. Memberikan *kesedaran kepada orang ramai* tentang kepentingan menabung demi pendidikan. 2
 T4. Mengadakan *kempen* menabung melalui *media massa*. 2

Nota: Jumlah markah isi tersurat dan tersirat tidak lebih daripada 16 markah.

Penutup/ Kesimpulan

Ibu bapa perlulah menabung dalam SSPN agar anak-anak tidak menghadapi masalah untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. 2

Soalan 2(a) Petikan Umum(i) **Maksud rangkai kata *keistimewaan yang dapat diperoleh* ialah**

- kelebihan yang diraih / diterima / didapati

[2 markah]

(ii) **Kemudahan yang diterima oleh murid-murid di sekolah ialah**

- bantuan buku teks secara percuma kepada semua murid 1 m
- yuran sekolah tidak perlu dibayar 1 m
- bantuan uniform untuk kegiatan kokurikulum bagi murid yang ibu bapanya berpendapatan rendah 1 m

[Maksimum : 3 markah]

(iii) **Pendidikan menjadi agenda utama negara kerana**

- negara mahu melahirkan generasi yang berilmu / modal insan kelas pertama 2m
- rakyat berilmu mampu memajukan negara 2m
- pendidikan dapat melahirkan pemimpin yang berwibawa 2
- rakyat berilmu dapat mempertahankan negara daripada ancaman luar 2m
(Terima 2 jawapan yang sesuai)

[Maksimum : 4 markah]

Soalan 2(b) Petikan Cerpen(i) **Ciri-ciri positif Mama ialah**

- dia berkebolehan dalam bidang komputer. 1m
- membuatkan abah tercabar oleh kejayaannya / jauh lebih berjaya daripada abah. 1m
- berjaya dalam perniagaan komputernya 1m

[Maksimum : 3 markah]

(ii) **Cara untuk membantu ibu-ibu tunggal ialah**

- keluarga memberikan sokongan moral 1m
- memberikan bantuan kewangan untuk menjalankan perniagaan 1m
- melatih ibu-ibu tunggal dalam bidang yang diminati 1m
- masyarakat jangan cepat memandang serong terhadap mereka 1m
(Terima mana-mana 3 jawapan yang sesuai.)

[Maksimum : 3 markah]

(iii) **Satu persoalan daripada petikan ialah**

- Kegigihan seorang ibu tunggal dalam kerjayanya 1m

Dua persoalan daripada keseluruhan cerpen ialah

- Kasih sayang menghapuskan dendam anak terhadap bapanya 1m
- Peranan sahabat yang sejati 1m
- Kemajuan dalam teknologi maklumat 1m

[Maksimum : 3 markah]

Soalan 2 (c) Petikan Prosa Klasik

- (i) **Maksud rangkai kata *patik sekalian kerjakan* ialah**
 - kami semua laksanakan / jalankan 2m
- (ii) **Titah sultan kepada bendahara dan pembesar ialah**
 - baginda ingin tahu akan pendapat pembesar tentang Melaka yang tiada mempunyai raja perempuan 1m
 - baginda tidak mahu mengahwini anak raja sebagaimana raja yang lain 1m
 - baginda memerintahkan Laksamana dan Sang Setia meminang PGL 1m
[Maksimum : 3 markah]
- (iii) **Sekiranya Puteri Gunung Ledang menerima pinangan sultan**
 - rakyat akan menderita kerana terpaksa memenuhi permintaan Puteri Gunung Ledang yang luar biasa. 1m
 - sultan akan dipandang tinggi kerana dapat mengahwini Puteri gunung Ledang 1m
 - Puteri Ledang akan menjadi permaisuri yang disayangi oleh sultan 1m
 (Terima 3 jawapan yang sesuai)
[Maksimum : 3 markah]

Soalan 2 (d) Petikan Puisi

- (i) **Maksud rangkap pertama sajak 'Anak Laut'**
 - Seorang nelayan tua teringat akan pekerjaannya yang lalu 1 m
 - Dia hanya memperoleh pendapatan yang kecil/sedikit 1 m
 - Kehidupannya sering dieksploitasi oleh orang tengah 1 m
 - Pendapatannya tidak setimpal dengan usahanya 1 m
 (Terima mana-mana 3 jawapan)
[Maksimum : 3 markah]
- (ii) **Para nelayan dapat meningkatkan taraf hidup mereka sendiri dengan**
 - membuat pinjaman untuk membeli peralatan menangkap ikan yang lebih moden 1 m
 - membuat kerja sampingan di darat terutama pada musim tengkujuh 1 m
 - menjadi ahli koperasi nelayan supaya hasil tangkapan dapat dijual dengan harga yang lebih tinggi 1m
 - hasil tangkapan yang tidak dapat dijual dikeringkan / dijadikan produk makanan ringan 1 m
 (Terima 3 jawapan yang sesuai)
[Maksimum : 3 markah]
- (iii) **Nilai-nilai yang terdapat dalam sajak ialah:**
 - kegigihan 1m
 - kesabaran 1m
 - bersyukur 1m
[Maksimum : 3 markah]

Soalan 3

Markah penuh 30 markah dibahagikan kepada:

Soalan 3(a)	:	6 markah
Soalan 3(b)	:	6 markah
Soalan 3(c)	:	6 markah
Soalan 3(d)	:	6 markah
Soalan 3(e)	:	6 markah

Perhatian bagi Soalan 3 (a)

1. Berikan **1 markah** bagi setiap ayat yang betul
2. Tolak $\frac{1}{2}$ **markah** bagi kesalahan **ejaan / jalan bahasa/ tanda baca** daripada keseluruhan soalan.
3. Perkataan yang berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan **0 markah**
4. Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan **0 markah**
5. Jika memberikan makna dan tepat maknanya, berikan markah penuh **1 markah**.
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak $\frac{1}{2}$ **markah** bagi setiap ayat
7. Jika semua perkataan diguna dalam **satu ayat**, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Isi tidak jelas tolak $\frac{1}{2}$ **markah**.
10. Sengaja menambah atau mengubah imbuhan (jika berkenaan), berikan **0 markah**.

3(a)

- i. **Jalan** – a) tempat lalu lintas / tempat yang harus dilalui
Contoh: Tolong tunjukkan **jalan** ke rumah Dato' Meor
- b) perkembangan sesuatu peristiwa
Contoh: **Jalan** cerita drama itu sungguh membosankan.
- c) cara, ikhtiar, usaha
Contoh: Semua **jalan** untuk mencapai perdamaian telah difikirkan.
- d) dapat diterima / berhasil / laku
Contoh: Temberang engkau itu tidak **jalan** di sini.
- ii. **Makan** – a) memamah / menelan makanan
Contoh : Jemputlah **makan** kuih ini.
- b) rezeki
Contoh: Bagaimana hendak mencari **makan** jika kesihatan sering terganggu?
- c) menggunakan / memerlukan masa, wang dsbnya.
Contoh : Jamuan itu banyak **makan** belanja.
- d) bekerja seperti yang dijangkakan
Contoh: Brek basikal itu tidak **makan**.
- e) menggelapkan wang / mengambil secara haram

Contoh: Pegawai syarikat itu suka **makan** duit kopi.

- iii. **Pucuk** - a) daun muda yang baru terbit / daun muda
Contoh: Anak rusa itu sedang makan **pucuk** kayu.
- b) yang tertinggi/ berkuasa / terpenting
Contoh: **Pucuk** pimpinan sedang berusaha untuk membendung inflasi.
- c) penjodoh bilangan
Contoh: Beberapa **pucuk** senapan telah ditemukan oleh pasukan Rela.

3 (b) Jenis-jenis ayat

- i. Ayat Penyata
- ii. Ayat Seruan
- iii. Ayat Tanya
- iv. Ayat Perintah Larangan
- v. Ayat Majmuk
- vi. Ayat Perintah Suruhan

[maksimum 6 markah]

3(c)

- i. peninju - petinju
memperolehi - memperoleh
- ii. selsema - selesema
merbahaya - berbahaya
- iii. satay - sate
memperisteri - memperisterikan

[maksimum 6 markah]

3 (d)

- i. ganas - kencang
mereka bina - dibina oleh mereka
- ii. menengok - menonton
semua adik-beradik - adik-beradik
- iii. mengenakan - menjatuhkan
di atas - atas

[maksimum 6 markah]

3 (e) Peribahasa

- i. Harapkan pagar, pagar makan padi.
- ii. Hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri.
- iii. Yang dikejar tak dapat, yang dikendong berciciran.

[maksimum 6 markah]

Soalan 4 – Novel

Markah penuh 15 markah

Perhatian bagi soalan 4(a)

- i. Jawapan tepat berdasarkan teks yang dipelajari
- ii. Pernyataan mestilah benar dan disokong dengan contoh yang tepat berdasarkan novel.
- iii. Berikan satu markah bagi pernyataan yang benar
- iv. Berikan satu markah bagi contoh yang tepat
- v. Markah maksimum 7 markah.
- vi. Markah bahasa tidak boleh lebih daripada markah isi.
- vii. Jawapan yang sesuai diterima.

Markah Bahasa

3 – Baik

2 – Sederhana

1 - Lemah

- a) Dua *teknik plot* yang dipaparkan dalam novel yang dikaji ialah;

Bukit Kepong

- i. Kejutan** 1m
 - Komunis menyerang rumah pasung Bukit Kepong 1m
- ii. Suspens** 1m
 - Othman menanti keputusan sama ada diterima untuk menjadi seorang anggota polis. 1m

Konserto Terakhir

- i. Imbas Kembali**
 - Dato' Johari mengingat kembali peristiwa perkahwinan pertama dan malam pengantinnya / dia meninggalkan isterinya
- ii. Suspens**
 - Hilmi tidak muncul untuk mengadakan persembahan orkestranya.

Seteguh Karang

- i. Imbas Muka**
 - Awanis membayangkan perwatakan Encik Johari sebelum mereka bertemu di pejabat.
- ii. Dialog**
 - Perbualan antara Awanis dengan Encik Johari tentang latihan praktikalnya.

Julia

- i. Suspens**
 - Pembaca terfikir akan kemampuan Julia mengurus perniagaan BMPRO Holding memandangkan dia tidak berpengalaman dalam perniagaan.
- ii. Imbas kembali**
 - Julia selalu teringat tentang dirinya yang sering bergaul bebas semasa remajanya.

Putera Gunung Tahan

- i. Dialog**
 - Perbualan antara Tuan William dengan Ratu Bongsu dan antara perempuan tua dengan Tuan Robert.
- ii. Suspens**
 - Pembaca tertanya-tanya tentang kemampuan Ratu Bongsu mempertahankan puncak Gunung Tahan daripada serangan Inggeris.

Di Hadapan Pulau

- i. Suspens**
 - Peristiwa askar Jepun menahan Rosiah, Tausiah dan Wan Rohani. Pembaca tertanya-tanya tentang perkara yang berlaku kepada mereka.

Terminal Tiga

- i. Imbas kembali**
 - Rimpa terkenang akan bekas gurunya Encik Ahmad Ibrahim yang pernah mengajarnya di sekolah dahulu.
- ii. Dialog**
 - Rimpa berbual dengan Bang Maily tentang masalah pinjaman kewangan untuk melanjutkan pelajaran ke ASK

Perlumbaan Kedua

- i. Suspens**
 - Ketika Tok Kura menghilangkan diri setelah didera oleh suku-sakatnya sendiri.

Perhatian bagi soalan 4b

- i. Berikan **1 markah** bagi setiap pernyataan
- ii. Berikan **2 markah** bagi huraian pernyataan
- iii. Markah maksimum untuk isi ialah **6 markah** dan markah maksimum untuk bahasa ialah **2 markah**

(b) Latar Masa (Sesuaikan dengan novel zon masing-masing)**Novel Bukit Kepong**

1. Tahun 1948 (1m) - Keadaan Tanah Melayu selepas perang . Inggeris datang semula dan terpaksa berdepan dengan golongan nasionalis Melayu yang mula menuntut kemerdekaan dan golongan penganas komunis daripada PKM yang telah diharamkan (2m)
2. Jun 1948 (1m)- Inggeris mengisytiharkan darurat di seluruh negara. Di kawasan-kawasan tertentu, perintah berkurung dikenakan dari jam 6.00 petang hingga 6.00 pagi(2m)
3. 12 Ogos 1948 (1m) - Othman (watak penting dalam novel ini) sampai ke Kuala Lumpur untuk menjalani latihan di depot polis selama 6 bulan.
Tamat latihan, Othman dihantar bertugas di Pagoh, Muar, Johor selepas melangsungkan perkahwinan dengan Limah (2m)
4. 7 bulan selepas Othman bertugas di Pagoh (tidak dinyatakan tarikh) –(1m) - Pembakaran bas penumpang dari Muar ke Pagoh, Limah isteri Othman dan dua orang isteri polis lain adalah antara mangsa serangan komunis itu. Tidak ada nyawa yang terkorban (2m)
5. Pertengahan tahun 1948 (1m) - Pentadbiran polis Muar menempatkan 6 orang anggota polis di rumah pasung sementara Bukit Kepong (2m).
6. Januari 1949 (1m) - Perkhidmatan polis di Bukit Kepong ditarik balik (2m).
7. Jun 1949 (1m) - Gerombolan penganas komunis datang ke Bukit Kepong untuk menyebarkan dakyah dan mengibarkan bendera komunis (2m)

Novel Konserto Terakhir

1. Pagi (1m)- Hilmi mengerjakan kebun sayur di belakang rumah Datuk Johari dengan penuh ketekunan (2m)
2. Malam (1m)- Hilmi menyuluh pokok-pokok bunga supaya tidak dimakan oleh kumbang.
3. Tahun 60-an atau 70-an (1m)– Suasana masyarakat yang digambarkan dalam cerita masih mengamalkan cara hidup yang mengagung- agungkan barat. Motosikal buatan Inggeris masih digunakan oleh Amat (2m).

SKEMA PEMARKAHAN TAMAT

